

SECURITY OF THE STATE OF ISRAEL

Chedet.co.cc

February 25, 2012

By Tun Dr. Mahathir Mohamad

1. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Dato Seri Anwar merupakan percubaan untuk mengalih perhatian terhadap pendiriannya iaitu, "Saya sokong semua usaha untuk melindungi keselamatan negara Israel" (I support all efforts to protect the security of the State of Israel) kepada soal pengiktirafan negara itu.
2. Israel telah mengambil sikap bahawa untuk keselamatan negara, ia akan mengganas lebih daripada penganas (out terrorise the terrorists). Sebab itu kita lihat tindakan Israel apabila menuduh pihak Palestin melaku keganasan kepadanya, ialah dengan serangan yang keterlaluan.
3. Demikian kerana kononnya Israel diserang oleh puak Palestin, Israel melancar serangan yang dahsyat supaya penduduk Jenin sebuah bandar kecil Palestin terbunuh beramai-ramai dan bangunan-bangunan diroboh semasa penduduk-penduduk masih ada dalam ruman dan bangunan. Penduduk Jenin yang terdiri daripada orang awam, lelaki, perempuan, tua dan muda termasuk kanak-kanak di bunuh. Ini adalah balasan Israel untuk kepentingan sekuritinya.
4. Demikian juga di Gaza. Demi sekuriti bagi Israel, tenteranya telah melanggar masuk Gaza, membunuh lebih daripada seribu orang Palestin, menghancurkan hospital, sekolah dan ruman-rumah kediaman. Bekalan air dan api di hancurkan.
5. Kemudian walaupun atas desakan masyarakat antarabangsa tentera Israel berundur, tetapi sekatan diadakan supaya tidak ada bekalan makan dan ubat-ubatan yang dapat masuk Gaza. Bangunan-bangunan yang telah roboh akibat bedilan tentera Israel tidak dapat dibaiki kerana bahan-bahan binaan dihalang oleh Israel daripada dibawa masuk Gaza.
6. Penduduk yang rumah mereka telah dimusnah terpaksa tinggal dalam khemah atau rumah yang tidak berbumbung atau dinding. Di musim sejuk mereka menggigil kesejukan. Yang tua dan anak kecil boleh mati kerana kesejukan.
7. Walaupun sudah undur dari Gaza bedilan roket dan meriam diadakan hampir setiap hari.
8. Apabila Malaysia dan Turki membawa barangan makanan, ubat-ubatan dan bahan binaan dengan kapal, tentera Israel menyerang kapal MV Marmara di perairan antarabangsa dan membunuh sembilan orang Turki yang tidak bersenjata.

9. Sekatan yang dibuat oleh Israel tidak sah dari segi undang-undang antarabangsa. Sudah tentu serangan dan pembunuhan orang awam yang sedang mengerjakan kerja kebajikan adalah salah dari segi undang-undang antarabangsa. Namun Israel tidak sedikit pun mengaku bersalah dan Amerika menyokong Israel dengan pendirian dan perbuatannya.

10. Kenapakah semua ini dilakukan. Israel mendakwa bahawa mereka sedang mempertahankan keselamatan atau sekuriti negara mereka.

11. Israel memasuk dalam tahanan beribu rakyat Palestin tanpa sebab dan tanpa bicara. Tujuannya ialah supaya jika seorang dari askar Israel ditawan oleh rakyat Palestin, maka Israel akan menebus rakyatnya dengan melepaskan 500 orang tahanan.

12. Israel tidak memperdulikan garisan sempadan yang ditentukan oleh masyarakat antarabangsa. Sebaliknya Israel menawan lebih banyak wilayah Palestin dan dengan angkuhnya mendiri perumahan bagi rakyatnya di wilayah Palestin. Jalan dibina dalam kawasan Palestin yang orang Palestin tidak dibenar menggunakannya.

13. Tembok tinggi dibina yang membahagikan kawasan yang diduduki orang Palestin supaya mereka tidak dapat hidup bersama.

14. Apabila rakyat Palestin membantah dengan menunjuk perasaan, mereka ditembak mati oleh askar Israel sebagai balasan kepada lontaran batu oleh orang Palestin.

15. Orang Palestin tidak dibenar memanggil wilayah mereka sebagai Negara Palestin (Palestine State). Mereka hanya boleh mengguna perkataan Palestinian Authority (Pihak Berkuasa Palestin).

16. Semua ini dilakukan oleh Israel sebagai tindakan bagi mempertahankan sekuriti Israel. Di belakang Israel terdapat Amerika Syarikat dan negara Eropah.

17. Tidak ada siapa yang sanggup membantu orang Palestin. Mereka terpaksa bergantung kepada tindakan kecil-kecilan untuk mempertahankan diri mereka. Jika mereka menyerang sebagai balasan kepada serangan tentera Israel, maka Israel akan mengganas tanpa had. Apa sahaja boleh dilakukan oleh Israel kerana kononnya mereka mempertahankan keselamatan (security) mereka.

18. Apabila Anwar berkata "ia sokong segala usaha untuk melindungi keselamatan Israel," secara langsung ia menyokong keganasan yang tidak terhingga dan pelanggaran undang-undang antarabangsa yang dilakukan oleh Israel kononnya untuk menjaga sekuriti Israel. Apakah orang Palestin tidak berhak kepada keselamatan mereka? Apakah mereka tidak boleh bertindak untuk mempertahankan diri mereka, tanpa serangan keganasan yang keterlaluan yang dilakukan oleh Israel.

19. Pendirian Anwar sebenarnya menghalalkan strategi Israel untuk "Out-terrorise the terrorists" atau membalas keganasan dengan melipat ganda keganasan untuk keselamatan Israel.

20. Anwar memberi amaran kepada sesiapa yang membuat komen terhadap kenyataan yang dibuat olehnya. Saya tidak syak yang ia akan mendakwa di mahkamah supaya mulut pengkritik ditutup sepanjang proses pengadilan. Sudah tentu masa yang amat panjang akan diambil dalam proses ini kerana Anwar akan bermula dengan menuduh hakim berat sebelah dan perlu ditukar. Masa yang panjang akan berlalu sementara ditentukan berasas atau tidak tuduhannya.

21. Jika didapati oleh mahkamah yang didakwa oleh Anwar tidak bersalah maka ia akan buat rayuan kepada 'Appeal Court' atau Mahkamah Rayuan.

22. Jika Appeal Court bersetuju dengan hakim mahkamah tinggi, Anwar akan appeal kepada Federal Court.

23. Hampir lima tahun berlalu sebelum kes saman malu olehnya terhadap saya tamat. Sementara saya dituntut bayaran sebanyak RM100juta, apabila didapati saya tidak bersalah, saya dibayar kos sebanyak hanya RM70,000.00.

24. Tentulah Anwar akan lebih berani membuat tuntutan beratus juta kerana jika ia kalah maka kos baginya hanyalah sedikit.

25. Anwar mendakwa bahawa ia menyokong kebebasan bersuara tetapi apabila dikritik oleh sesiapa ia tidak ingin lihat kebebasan bersuara yang ia kononnya memperjuangkan. Justeru itu ia mengguna "sub judice" untuk menutup mulut pengkritik. Sudah tentu jika ia berkuasa kebebasan media akan dihapuskan.

26. Pada hakikatnya Anwar sokong penuh segala tindakan ganas yang keterlaluan yang dilakukan oleh Israel kerana Anwar sokong "all efforts to protect the security of Israel".

3 Comments

#

amin tan

February 25, 2012 at 4:24 pm | Permalink

Salam Tun,

Saya amat kagum dengan strategi Tun mengguna tajuk bahasa Inggeris dan menghurai panjang lebar dalam Bahasa Malaysia. Dengan cara demikian musuh2 kita yang kebanyakan komunikasi dalam bahasa Inggeris yang terdiri daripada orang2 yahudi seperti Hanan dan kuncu2nya, mereka yang anti islam, anti hadis, anti sunah, yang hanya memetik terjemahan Al Quran dalam Bahasa inggeris, akan terasa hampa dan tidak terdaya sebab tidak faham Bahasa Malaysia. Saya pun ikut jijak langkah Ayahanda Tun komen dalam bahasa kebangsaan. Biar depa pening.

Zalim ialah loghatul Al Quran. Al Quran penuh dengan perkataan zalim. Dalam Al Quran, manusia dan orang2 beriman dinasihati dan dipesan berulang2 jangan berlaku zalim. Askar2 yahudi bertindak amat zalim terhadap penduduk arab di bawah taklukan mereka sebagaimana telah dihuraikan oleh Tun di atas. Anwar Ibrahim telah menyokong dan memihak kepada Yahudi yang zalim. PAS dan termasuk semua tokoh2 ulama PAS, satu parti islam adalah sekutu Anwar Ibrahim yang mengaku dirinya seorang islam secara logiknya memihak dan menyokong yahudi. Ini isu besar yang melibatkan perkara jihad dan dasar serta akidah.

Saya jangka Anwar Ibrahim telah disogok oleh pelobi yahudi di Amerika melalui CIA dan Tel Aviv melalui MOSSAD dengan entah berapa juta. Duit haram tersebut mungkin diagih2kan di kalangan komponen Pakatan Rakyat untuk berbelanja dalam pilihan raya terdekat ini. Saya hanya spekulasi dan tidak berani buat tuduhan sebab takut kena dakwa rm100 juta oleh Anwar Ibrahim. Lawyer Kapal Singh amat pandai hal2 teknikal mahkamah. Pengundi2 yang beragama islam pandai2lah menilai siapa kawan dan siapa musuh. wallahu alam.

amin tan

#

AHMAD BADRI's Gravatar AHMAD BADRI

February 25, 2012 at 3:50 pm | Permalink

Tun Yang Dihormati,

Amat jelas segala tindak tanduk Anwar selama ini seperti penganas Israel. Cuba perhatikan:

1. Di setiap kesnya di mahkamah misti Kerajaan Malaysia terlibat sebagai yang jahat dan mahu menghancurkan dia, walau pun itu kes peribadi.
2. Di setiap kes mahkamah dia menuduh hakim berat sebelah.
3. Apabila dia menang dia berkata itu desakan negara-negara luar keatas kerajaan Malaysia untuk membebaskan dia. Ini kerana dia adalah seorang yang sangat hebat, special dan sangat penting kepada dunia, dan kerajaan Malaysia adalah kejam.
4. Dia berlagak seolah-olah kebal, tidak takut kepada sesiapa pun, umpama ada orang sangat kuat dibelakangnya. Ini betul-betul seperti Israel, yang menganggapkan mereka kebal dan special.
5. Tindak tanduknya memberi gambaran wang dalam simpananya tidak tergugat. Kita tahu dia kaya.
6. Dia memberi gambaran bahawa Kerajaan Malaysia dan UMNO khususnya adalah JAHAT, dan Anwar Ibrahim adalah BAIK tetapi di inayakan. Ini seperti tindak tanduk Israel, bahawa orang Palestin jahat, dan orang Yahudi baik.
7. Strateginya ialah mendapatkan sokongan kumpulan orang-orang yang berpengaruh: golongan ulama (yang ramai anti UMNO, pro PAS, golongan akademik, golongan pelajar (yang ramai anti-establishment), mereka dalam parti UMNO dan lain-lain komponen parti pemerintah yang tidak dapat ganjaran seperti yang diharapkan), golongan wanita yang gilakan orang seperti karektor Anwar Ibrahim. Bacalah buku Hitler, itu style orang Yahudi di Vienna awal 30han dulu, iaitu memberi fokus kepada golongan orang yang berpengaruh. Hitler tidak membenci orang Yahudi pada mulanya, tetapi hanya setelah dia melihat sendiri bagaimana orang Yahudi dulu kontrol habis satu negara German.
8. Anwar menggunakan segala kelemahan yang ada pada PAS (pengikut yang fanatik, ikut saja apa kata Nik Aziz), pendedahan antarabangsa yang kurang dikalangan PAS, DAP dan UMNO), dan sifat tidak percaya antara PAS dan DAP, oleh itu PKR ada peranan utama.
9. Dia tahu orang Permatang Pauh akan tetap dan terus mengundikan dia, tak kira apa, dia menyokong Israel ke, menjadi barua Yahudi ke, kebas wang Amerika ke, kebas jantan betina mana ke, mahu menghancurkan Melayu ke. Dia tahu di kawasan itu dia akan menang sehingga akhir zaman.
10. Segala psikologi yang digunakannya semua ada dalam buku psikologi. Malangnya pemimpin UMNO banyak yang bahlol. Bercakap tak pandai, berbahas pun tak tahu, hanya yang mereka tahu nak mengkayakan diri. Sifat sombong, bongkak masih kekal, seolah-olah menjadi budaya. Kehulu kehilir main golf, bukan nak menolong orang kampung. Kita berkata sepatah, dia berhujah sebatu, seolah-olah dia lebih pandai. Baru jadi ketua cawangan sudah mula berlagak. Sebutkan satu pemimpin UMNO yang mahu bertukar pendapat dan berdailog dengan baik, atau mahu mengaku kelemahannya.

Jika pembangkang mendapat sokongan, bukan kerana mereka lebih hebat, tetapi kerana UMNO dan BN yang masih tak ubah perangai. Masing-masing sombong, berlagak seolah-olah anak raja zaman kuno. Itu Anwar guna sepenuhnya. Dia tahu eksplot kelemahan orang lain. Dia menyemarakkan perasaan benci, supaya apabila mendengar dia berucap kita terus sakit hati dan benci kepada UMNO.

Bagi saya, Tun, UMNO perlu ubahkan perangai. Cincin 25 juta hanyalah memuatkan satu jari. Tapi 25 juta ringgit boleh menyuapkan nasi kepada rakyat miskin selama lebih setahun, boleh membina sekolah, mesjid, jambatan dan jalan raya di kawasan ulu, memberi bantuan pelajar miskin, ibu tunggal, orang cacat. Itu yang disebut orang Permatang Pauh. Tapi UMNO masih tak faham. Sedih.

#

HBT456's Gravatar HBT456

February 25, 2012 at 3:04 pm | Permalink

Good afternoon YAB,

1. I think Anwar's Israel is "Selangorku, PKR kut.

2. To Tok Nik, his Kelantan is Palestine kut.

Good day, YAB.

<http://chedet.cc/blog/?m=201202>